

PROGRAM SUPER AULAD WAL BANAT PANGKALAN UDARA SUBANG

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2791-program-super-aulad-wal-banat-pangkalan-udara-subang

SUBANG, 15 Dis 17 – Pejabat Agama Pangkalan Udara Subang telah menganjurkan program sempena musim cuti persekolahan kepada anak-anak anggota di bawah kariah Masjid PU Subang dengan mengikuti Program Super Aulad Wal Banat 2017. Program selama dua hari satu malam, mulai 13 hingga 14 Dis 17 telah disertai oleh 89 orang peserta berumur 10 tahun hingga 15 tahun.

Sepanjang program tersebut, peserta didedahkan dengan pengisian Smart Solat, Bengkel, Muhasabah Anak Soleh, Tahsin Surah Al-Fatihah, Qiamulai, dan Kuliah Subuh. Program ini juga turut diisi dengan ceramah motivasi, latihan dalam kumpulan, sukan dan riadah.

Program ini diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian sijil penyertaan serta cenderahati kepada peserta yang disempurnakan oleh Nazir Masjid PU Subang, YBhg Brig Jen Dato' Shamsudin bin Kassim TUDM. Turut hadir ialah Penaung Masjid PU Subang YBhg Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM.



